



PENGARUH MOTIVASI TERHADAP INTEGRASI
PENGETAHUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DALAM KALANGAN GURU PENYELARAS
DI SEKOLAH RENDAH DAERAH
KERIAN,PERAK



MONES NATCHIA RUBINI A/P THIGARAJAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



**PENGARUH MOTIVASI TERHADAP INTEGRASI PENGETAHUAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM KALANGAN GURU PENYELARAS DI
SEKOLAH RENDAH DAERAH KERIAN, PERAK**

MONES NATCHIA RUBINI A/P THIGARAJAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12-03-2024.

i. Perakuan Pelajar:

Saya, MONES NATCHIA RUBINI A/P THIGARAJAN, M20181000979, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENGARUH MOTIVASI GURU PENYELARAS TERHADAP INTEGRASI PENGETAHUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI SEKOLAH RENDAH DAERAH KERIAN, PERAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya Professor Madya Dr. Jamal @ Nordin Bin Yunus dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH MOTIVASI GURU PENYELARAS TERHADAP INTEGRASI PENGETAHUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI SEKOLAH RENDAH DAERAH KERIAN, PERAK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN DAN KERJA KURSUS

19/9/2024
Tarikh


Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PENGARUH MOTIVASI GURU PENYELARAS TERHADAP INTEGRASI
PENGETAHUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI SEKOLAH RENDAH
DAERAH KERIAN, PERAK**

No. Matrik / Matric's No.: **M20181000979**

Saya / I: **MONES NATCHIA RUBINI A/P THIGARAJAN**

mengaku membenarkan Disertasi (Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi. *The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*




TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature of Student)

Tarikh/Date: **26/03/2024**


(Tandatangan Penanya / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Dr. Madya DR. Jamal @ Nordin Yunus
Pensyarah (Kajian),
Fakulti Pendidikan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah kurnia serta iziNya dapat saya menyempurnakan kajian ini. Melalui ruang terbatas ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada Pn Dr Khuan Wai Bing dan Professor Madya Dr Jamal @ Nordin Bin Yunus selaku penyelia tesis ini yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dorongan dan nasihat yang amat bermakna kepada diri saya dari peringkat awal perancangan sehinggalah ke peringkat akhir kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah Kerian, yang telah memberi izin kepada saya untuk meneruskan kajian saya ini.

Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan dituju kepada rakan seperjuangan saya Saudara Shivabalan Thiruchelvam yang telah memberi semangat untuk menyempurnakan pengajian saya.

Akhir sekali terima kasih juga dirakam khas untuk ahli keluarga dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi kerjasama dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih dan semoga Tuhan membalas budi kalian.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh motivasi guru penyelarar terhadap integrasi pengetahuan teknologi maklumat. Kajian ini juga mengkaji hubungan antara motivasi guru penyelarar dengan integrasi pengetahuan teknologi maklumat. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dijalankan secara pensampelan rawak mudah. Seramai 59 orang guru penyelarar teknologi maklumat dari 59 buah sekolah rendah harian di Daerah Kerian, Negeri Perak dijadikan sampel kajian. Instrumen kajian adalah borang soal selidik yang diadaptasi dari instrumen tinjauan TPACK (Pamuk, 2013) dan instrumen Inventori Kepuasan Kerja Herzberg yang dibina oleh Mohd Aziz (2015). Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap integrasi pengetahuan teknologi maklumat dan tahap motivasi guru penyelarar manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian korelasi *Pearson* dan regresi mudah yang menerangkan pengaruh serta hubungan antara pemboleh ubah kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh motivasi guru penyelarar terhadap integrasi pengetahuan teknologi maklumat ($r = 0.430 > 0.05$). Dapatan kajian menunjukkan integrasi pengetahuan teknologi maklumat guru penyelarar berada pada tahap tinggi ($M = 13.78$, $SP = 5.3$). Analisis Korelasi *Pearson* menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi guru penyelarar dan integrasi pengetahuan teknologi maklumat ($r = 0.659 > 0.05$). Kesimpulan daripada kajian, motivasi guru penyelarar telah mempengaruhi tahap integrasi pengetahuan teknologi maklumat. Implikasi kajian menunjukkan kajian ini memberi informasi kepada guru penyelarar lain dan boleh dijadikan rujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membuat pendedahan awal tentang faktor-faktor motivasi kepada bakal guru penyelarar daripada segi penyediaan kursus dan latihan pementapan guru penyelarar.



THE INFLUENCE OF MOTIVATION ON THE INTEGRATION OF KNOWLEDGE OF INFORMATION TECHNOLOGY AMONG COORDINATOR TEACHERS IN PRIMARY SCHOOLS IN KERIAN DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

This study aimed to identify the influence of the coordinating teacher's motivation on the integration of information technology knowledge. This study also examines the relationship between the motivation of the coordinating teacher and the integration of information technology knowledge. Quantitative approach with a descriptive survey design were used for this study. A number of 59 information technology coordinator teachers from 59 daily primary schools in Kerian District, Perak State were chosen by using random sampling method as studied sample. The research instrument was a questionnaire adapted from the TPACK Survey Instrument (Pamuk, 2013) and the Herzberg Work Satisfaction Inventory Instrument built by Mohd Aziz (2015). Data were analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis explained the level of integration of information technology knowledge and the level of motivation of the coordinating teacher while inferential statistics involved Pearson correlation test and simple regression that explained the influence and relationship between the studied variables. The findings showed that there was an influence of the coordinating teacher's motivation on the integration of information technology knowledge ($r = 0.430 > 0.05$). The result of the study also showed that the integration of information technology knowledge of the coordinating teacher is at a high level ($M = 13.78$, $SP = 5.3$). Pearson Correlation analysis showed that there is a significant relationship between the motivation of the coordinating teacher and the integration of information technology knowledge ($r = 0.659 > 0.05$). As a conclusion, the motivation of the coordinating teacher has influenced the level of integration of information technology knowledge. The implications of the study show that this study can provide information to coordinating teachers. State Department of Education and the Malaysian Ministry of Education can also use this study in making courses and training for coordinating teachers.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Teknologi Dalam Pendidikan	3
1.3 Latarbelakang Kajian	8
1.4 Pernyataan Masalah	10
1.5 Tujuan Kajian	14
1.6 Objektif Kajian	14
1.7 Persoalan Kajian	15
1.8 Hipotesis Kajian	15
1.9 Kerangka Teoretikal	15

1.10	Kerangka Konseptual	18
1.11	Definisi Operasional	18
1.11.1	Motivasi	19
1.11.2	Motivasi Ekstrinsik	19
1.11.3	Motivasi Intrinsik	19
1.11.4	Kepuasan Kerja	20
1.11.5	Guru Penyelaras	20
1.11.6	Integrasi	21
1.11.7	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	21
1.11.8	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK)	22
1.12	Kepentingan Kajian	23
1.13	Batasan Kajian	24
1.14	Rumusan	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Perkembangan TMK dalam Revolusi Industri 4.0	26
2.3	Pendidikan Abad ke -21	30
2.4	Pendidikan Revolusi Industri 4.0	34
2.5	Peranan Guru Penyelaras TMK	37
2.6	Keperluan Pengetahuan dan Kemahiran Guru Penyelaras	39
2.7	Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan	43
2.7.1	Pengetahuan Kandungan	46
2.7.2	Pengetahuan Pedagogi	46
2.7.3	Pengetahuan Teknologi	47
2.7.4	Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)	48

2.7.5	Pengetahuan Teknologi Kandungan	49
2.7.6	Pengetahuan Teknologi Pedagogi	50
2.7.7	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan	50
2.8	Motivasi	51
2.9	Teori Motivasi	54
2.9.1	Teori Hierarki Keperluan Maslow (1943)	54
2.9.2	Teori Kognitif	55
2.9.3	Teori Motivasi Pencapaian McClelland (1978)	55
2.9.4	Teori Motivasi Dua Faktor Herzberg (1966)	56
2.10	Hubungan antara Motivasi dan Integrasi Pengetahuan Teknologi Maklumat	58
2.11	Rumusan	61

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Rekabentuk Kajian	63
3.3	Populasi dan Pensampelan Kajian	64
3.4	Instrumen Kajian	66
3.4.1	Bahagian B - Integrasi Pengetahuan	66
3.4.2	Bahagian C - Motivasi Guru	67
3.5	Kajian Rintis	68
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	68
3.7	Tatacara dan Pengumpulan Data	70
3.8	Tatacara Analisis Data	70
3.9	Rumusan	71

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	73
4.2	Profil dan Demografi	74
4.2.1	Jantina	74
4.2.2	Umur Responden	74
4.2.3	Tahap Pendidikan	75
4.2.4	Pengalaman Mengajar	76
4.2.5	Status Perkahwinan	77
4.3	Analisis Tahap Integrasi Pengetahuan Teknologi Maklumat Guru Penyelaras	78
4.3.1	Tahap Integrasi Pengetahuan Guru Penyelaras bagi Elemen Pengetahuan Teknologi Mengikut Item	79
4.3.2	Tahap Integrasi Pengetahuan Guru Penyelaras bagi Elemen Pengetahuan Pedagogi Mengikut Item	80
4.3.3	Tahap Integrasi Pengetahuan Guru Penyelaras bagi Elemen Pengetahuan Kandungan Mengikut Item	81
4.4	Analisis Tahap Motivasi guru penyelaras di Sekolah Rendah Daerah Kerian	82
4.4.1	Analisis Motivasi Ekstrinsik bagi Kategori Suasana Kerja	83
4.4.2	Analisis Motivasi Ekstrinsik bagi Kategori Hubungan Interpersonal	84
4.4.3	Analisis Motivasi Ekstrinsik bagi Kategori Pentadbiran	86
4.4.4	Analisis Motivasi Ekstrinsik bagi Kategori Pendapatan	87
4.4.5	Analisis Motivasi Intrinsik bagi Kategori Kerja	89
4.4.6	Analisis Motivasi Intrinsik bagi Kategori Pencapaian	90
4.4.7	Analisis Motivasi Intrinsik bagi Kategori Pengiktirafan	92
4.4.8	Analisis Motivasi Intrinsik bagi Kategori Tangungjawab	93

4.4.9	Rumusan Analisis Tahap Motivasi Guru Penyelaras di Sekolah Rendah Daerah Kerian	95
4.5	Analisis Korelasi	96
4.6	Analisis Regresi Mudah	98
4.6.1	Ujian Mahalanobis	99
4.6.2	Ujian Kepencongan (Skewness) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>)	99
4.6.3	Ujian Kolineariti	100
4.6.4	Ujian Homoscedasticity	100
4.6.5	Ujian Kelinearan	101
4.7	Ujian Regresi Mudah	102
4.8	Rumusan	103

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	105
5.2	Ringkasan Kajian	105
5.3	Perbincangan	107
5.3.1	Tahap Motivasi Guru Penyelaras TMK	108
5.3.2	Tahap Integrasi Pengetahuan Teknologi Maklumat Guru Penyelaras	109
5.3.3	Hubungan antara motivasi guru penyelaras dan integrasi pengetahuan teknologi maklumat	110
5.4	Implikasi Kajian	111
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	113
5.6	Rumusan	114

RUJUKAN	116
----------------	-----

LAMPIRAN	124
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	66
3.2	Skala Likert untuk integrasi pengetahuan dan motivasi guru	68
3.3	Alpha Cronbach dan Kekuatan Perkaitan	69
3.4	Kaedah Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian	71
4.1	Taburan Berasaskan Jantina	74
4.2	Taburan Umur Responden	75
4.3	Taburan Tahap Pendidikan Responden	76
4.4	Taburan Tempoh Khidmat Mengajar	77
4.5	Taburan Berasaskan Status Perkahwinan	77
4.6	Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Integrasi Pengetahuan Teknologi Maklumat mengikut Elemen	78
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Elemen Pengetahuan Teknologi Mengikut Item	79
4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Elemen Pengetahuan Pedagogi Mengikut Item	80
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Elemen Pengetahuan Kandungan Mengikut Item	82
4.10	Analisis Min Motivasi Ekstrinsik Guru bagi Kategori Suasana Kerja	83
4.11	Analisis Min Motivasi Ekstrinsik Guru bagi Kategori Hubungan Interpersonal	85
4.12	Analisis Min Motivasi Ekstrinsik Guru bagi Kategori Hubungan Pentadbiran	86
4.13	Analisis Min Motivasi Ekstrinsik Guru bagi Kategori Pendapatan	86

4.14	Analisis Min Motivasi Ekstrinsik Guru bagi Kategori Kerja	89
4.15	Analisis Min Motivasi Intrinsik Guru Penyelaras bagi Kategori Pencapaian	91
4.16	Analisis Min Motivasi Intrinsik Guru Penyelaras bagi Kategori Pengiktirafan	92
4.17	Analisis Min Motivasi Intrinsik Guru Penyelaras bagi Kategori Tanggungjawab	94
4.18	Rumusan Analisis Min Motivasi Ekstrinsik Guru Penyelaras	95
4.19	Rumusan Analisis Min Motivasi Intrinsik Guru Penyelaras	96
4.20	Korelasi Pearson (Motivasi Guru Penyelaras dengan Integrasi Pengetahuan Teknologi Maklumat)	97
4.21	Statistik Residual bagi Ujian Mahalanobis	99
4.22	Keputusan Kepencongan dan Kecerunan bagi Taburan Normal Data Motivasi dan Integrasi Pengetahuan.	100
4.23	Keputusan Analisis Regresi Mudah di antara Motivasi dan Integrasi Pengetahuan Guru Penyelaras	103
4.24	Rumusan Pengujian Hipotesis	104

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1.	Model teori dua faktor Herzberg (1966)	16
1.2.	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan	17
1.3.	Kerangka Konseptual Kajian	18
2.1.	Pengetahuan Pedagogi Kandungan	44
4.1.	Plot Regresi Normal Skor Integrasi Pengetahuan	101
4.2	Plot Taburan Skor Integrasi Pengetahuan	102

SENARAI SINGKATAN

DV	Dependent Variable
EPRD	Educational Planning and Research Development
IKKH	Inventori Kepuasan Kerja Herzberg
IV	Independent Variable
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
SPSS	Statistical Package For Social Science
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TPACK	Technology Pedagogy Content Knowledge
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Kelulusan Bersyarat
- C Pengesahan Status Pelajar
- D Jadual Penentuan Sampel

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan menjadi asas nadi pembangunan bagi sesebuah institusi pentadbiran negara. Pendidikan di negara kita harus bersaing dengan perubahan semasa secara global, beroperasi secara berkesan bagi pembangunan dan kebolehan negara kita Malaysia dalam meneroka cabaran era globalisasi yang semakin pesat. Negara Malaysia mengaplikasikan sistem pendidikan secara berpusat (Tony Bush, 2019), iaitu dasar dan matlamat pendidikan negara telah pun dibentuk dan dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekolah pula dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan segala dasar dan polisi yang telah digagaskan. Ini kerana sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk generasi akan datang dan menyediakan mereka untuk dunia yang makin berkembang pesat. Adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan pelajar menerima pendidikan menyeluruh yang akan membantu mereka berjaya dalam hidup, dan ini hanya boleh dicapai dengan mengikuti dasar dan rancangan yang ditetapkan. Melaksanakan dasar dan rancangan juga



membantu sekolah mengekalkan standard pendidikan yang tinggi dan memastikan bahawa mereka mencapai objektif mereka.

Perkembangan drastik dalam aspek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) mendatangkan pelbagai perkembangan terhadap pengurusan kerja harian dalam tugas harian guru-guru. Dalam Gelombang 2 (SKPMg2), dengan jelas diterangkan peranan seorang guru yang menjadi perancang, pembimbing, pengawal, penilai dan pendorong murid menjadi seorang pembelajar aktif dan pembelajaran berkesan demi perkembangan bakat murid dalam skop yang menyeluruh bagi mengoptimumkan pencapaian dalam kadar yang berterusan (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2017). Perkembangan global hari ini membolehkan TMK menyebar dan menyimpan maklumat dan seterusnya menjana pemahaman baharu dalam semua bidang dalam kalangan murid-murid (Lechner & Boli, 2009). Modennya sesebuah masyarakat dan negara dilihat melalui penggunaan teknologi canggih dalam pelbagai bidang khususnya dalam organisasi sekolah. Teknologi canggih telah menjadi faktor utama dalam mengukur kemodenan sesebuah masyarakat dan negara. Penyepaduan teknologi dalam pelbagai bidang telah banyak meningkatkan kecekapan dan produktiviti, dan juga telah mengubah cara orang hidup dan bekerja. Di sekolah, teknologi telah merevolusikan cara pengetahuan disampaikan dan telah menyediakan peluang baharu kepada pelajar untuk belajar dan melibatkan diri dalam pendidikan mereka. Daripada platform pembelajaran dalam talian kepada bilik darjah interaktif, teknologi telah memberi kesan yang ketara kepada sektor pendidikan. Oleh itu, masyarakat dan negara yang menggunakan teknologi secara berkesan dalam organisasinya, termasuk sekolah, dianggap moden.





1.2 Teknologi Dalam Pendidikan

Laporan Teknologi dan Inovasi (UNCTAD, 2018) mendapati bahawa kadar pembangunan dan penggunaan teknologi baru dijangka berterusan pada tahun-tahun akan datang. Perkembangan dan pengintegrasian komputer dan pengaplikasian dalam bidang pendidikan dilihat sebagai proses pembaharuan bidang tersebut. Hal ini seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang mengubah kepada zaman alatan elektronik dalam bidang pendidikan yang dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0 (Dunwill, 2016). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyatupadukan teknologi maklumat dan komunikasi dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menara gading dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Ini kerana teknologi telah banyak meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pendidikan, membolehkan pelajar mendapat akses kepada pelbagai maklumat dan sumber. Dengan menerima teknologi, KPM menyasarkan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih komprehensif dan dinamik untuk pelajar, menyediakan mereka untuk tuntutan dunia moden.

Pendidikan Revolusi Industri 4.0 merupakan hasil kepada keperluan Revolusi Industri 4.0 di mana teknologi dan manusia sejajar bagi membolehkan kemungkinan baru. Fisk (2017) menerangkan bahawa visi pembelajaran baru menggalakkan pelajar mempelajari bukan sahaja kemahiran dan ilmu yang diperlukan tetapi juga bagi mengenal pasti asas untuk mempelajari pengetahuan dan kemahiran dan ini. Pembelajaran dibina disekeliling mereka tentang dimana dan bagaimana untuk belajar dan mengesan prestasi mereka melalui penyesuaian berasaskan data. Rakan sebaya menjadi orang amat penting dalam pembelajaran mereka. Mereka belajar secara kolabratif, manakala guru-guru berperanan sebagai pembimbing dalam pembelajaran





mereka. Dengan memberi tumpuan kepada keperluan dan kebolehan individu pelajar, pendekatan pembelajaran yang diperibadikan dan kolaboratif boleh dilaksanakan. Ini membolehkan pelajar mengambil peranan aktif dalam pendidikan mereka sendiri dan mempromosikan penglibatan dan kejayaan keseluruhan mereka. Guru menjadi lebih seperti pembimbing, memberikan arahan dan sokongan di mana pelajar mengambil lebih banyak tanggungjawab untuk pembelajaran mereka sendiri. Peralihan dalam dinamik bilik darjah tradisional ini memperkasakan pelajar dan membantu memupuk minat belajar, kemahiran berfikir kritis dan rasa pemilikan terhadap pendidikan mereka.

Aplikasi dan perisian komputer yang berkesan dalam pendidikan negara, dapat melancarkan lagi proses PdPc guru dan murid berdasarkan keperluan semasa (Brunet, 2010; Syarifah & Kamarul, 2013). Ia membolehkan pengalaman pembelajaran yang lebih diperibadikan dan interaktif, membolehkan guru menyesuaikan pelajaran mereka dengan keperluan pelajar mereka. Penggunaan teknologi pendidikan juga boleh memberikan maklum balas masa nyata, membolehkan guru melaraskan kaedah pengajaran mereka secara interaktif dan memberikan maklum balas segera kepada pelajar tentang kemajuan atau prestasi mereka. Ini menghasilkan proses pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan kerana kedua-dua guru dan pelajar boleh menumpukan usaha mereka pada bidang yang mereka perlukan penambahbaikan. Selain itu, teknologi pendidikan juga boleh memudahkan kerjasama, komunikasi dan perkongsian maklumat, di dalam dan di luar bilik darjah, memupuk persekitaran pembelajaran yang lebih berhubung dan menyokong. Di sini, komputer berfungsi sebagai suatu peranti elektronik yang mengandungi banyak kebaikan yang dapat menolong merungkai pelbagai kemusykilan dan memudahkan urusan harian (KPM, 2004). Antara komponen komputer ialah perisian seperti *Facebook*, *G-mail*, *Blogspot* dan lain-lain (Johnson,





2005). Dapat dilihat bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan dapat meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran serta membawa kepada peningkatan hasil pelajar.

Dengan adanya aplikasi perisian pendidikan yang menawarkan bahan pengajaran digital, pembelajaran dan pengajaran boleh menjadi lebih fleksibel. Ini membolehkan pelajar belajar mengikut kadar mereka sendiri dan merancang tahap pencapaian mereka melalui pembelajaran sendiri (Lai & Hwang, 2016). Persekitaran pembelajaran jenis ini boleh memberi manfaat terutamanya kepada pelajar yang memerlukan lebih banyak masa untuk memahami konsep tertentu atau yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Tambahan pula, kemajuan dalam teknologi maklumat dan rangkaian komunikasi yang canggih memberi peluang kepada pendidikan maya seperti pembelajaran maya dan realiti tambahan untuk dilaksanakan.

Pembelajaran maya membolehkan pelajar mengakses bahan pendidikan dan mengambil bahagian dalam kelas dari mana-mana sahaja, pada bila-bila masa, menawarkan lebih fleksibiliti dan kemudahan. Realiti diperkukuh, sebaliknya, meningkatkan pengalaman pembelajaran dengan menyediakan persekitaran yang lebih mengasyikkan dan interaktif untuk pelajar, menjadikannya lebih mudah untuk mereka memahami konsep yang kompleks dan mengekalkan maklumat. Penyepaduan teknologi dalam pendidikan memberikan banyak faedah, seperti keupayaan untuk memperibadikan pembelajaran, meningkatkan penglibatan pelajar dan memberikan maklum balas masa nyata. Selain itu, ia juga boleh menjimatkan masa dan sumber, kerana guru tidak perlu lagi mencipta dan mengedarkan bahan secara manual. Dengan memanfaatkan teknologi, pendidikan menjadi lebih mudah diakses dan berkesan, memenuhi keperluan pelajar yang berubah-ubah dan menyediakan mereka untuk





berjaya dalam abad ke-21. Sebahagian daripada Pendidikan Revolusi Industri 4.0 pelajar akan menggunakan teknologi dan peranti untuk mendapatkan pendidikan. Walaupun setiap subjek memiliki pengetahuan dan maklumat tersendiri yang dapat difahami para pelajar, cara untuk mencapai pengetahuan ini boleh berbeza-beza. Ini bermakna pemilihan teknik dan alat bagi memperoleh pengetahuan ini dapat dibuat oleh pelajar sendiri. Teknik seperti pembelajaran teradun (*Blended Learning*), membawa peranti mudahalih sendiri (*Bring Your Own Device*), dan *Flipped Classroom* merupakan antara contoh penggunaan teknologi dalam Pendidikan Revolusi Industri 4.0.

Penggunaan kaedah pengajaran tradisional seperti papan hitam dengan kapur (chalk and talk), kaedah pendekatan campuran, kaedah gabungan merupakan salah satu punca masalah ini (Plan Induk Pembangunan Pendidikan, 2001-2010). Selain itu, guru-guru tidak mengaplikasikan TMK sebagai intipati PdP yang menyeronokkan. Justeru itu, para pendidik semestinya mempraktikkan pelbagai kaedah dan teknik dalam PdP dengan mngimplementasi teknologi maklumat juga komunikasi dengan bahan-bahan pengajaran seperti DVD, CD-ROM, aplikasi menarik, *augmented reality* dan sebagainya. Penggunaan TMK membantu proses pengajaran dan pemudahcaraan menjadi lebih efektif dan menarik (Rogayah & Aderi 2016) dan menghidupkan suasana kondusif bagi pembelajaran yang membawa kepada peningkatan kualiti penyampaian para guru (Syuhada & Aderi, 2016). Pertambahan, ledakan maklumat dan ilmu yang dapat melalui TMK membolehkan guru-guru dapat menerapkan nilai tambah dalam mata pelajaran yang diajarnya.





Menurut Chigona (2014) motivasi merupakan suatu sifat yang mendorong dan membantu seseorang individu menjayakan tugas untuk aspirasi hidup. Motivasi menentukan keefisienan pengajaran guru. Para guru perlulah bermotivasi dalam mengaplikasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi agar meningkatkan keberkesanan PdPc (Chigona, 2014; Chee & Vijaya, 2016; Hazriyano, 2017). Motivasi guru menjadi elemen utama bagi meningkatkan pedagogi dan pengetahuan guru serta mendorong pencapaian murid-murid (Mustafa, 2010). Ini ditegaskan oleh Cave dan Mulloy (2010), yang menyatakan bahawa guru yang bermotivasi tinggi akan menyertai aktiviti yang menggalakkan peningkatan sekolah. Peranan guru dalam melaksanakan teknologi dalam pendidikan adalah penting, kerana merekalah yang memimpin dan membimbing pelajar dalam perjalanan pembelajaran mereka. Guru yang bermotivasi dan mempunyai sikap positif terhadap integrasi teknologi dalam bilik darjah akan lebih berkemungkinan untuk menggabungkan teknologi dengan berkesan ke dalam pelajaran mereka dan menyediakan pelajar pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif. Tambahan pula, guru yang bermotivasi tinggi lebih berkemungkinan terbuka kepada idea baharu dan menerima inovasi, yang membawa kepada persekitaran yang menyokong peningkatan dan pertumbuhan berterusan. Dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan menyokong, guru yang bermotivasi boleh memupuk budaya inovasi dan penambahbaikan dalam sekolah mereka. Ini boleh memberi impak positif kepada sekolah secara keseluruhan, membawa kepada hasil yang lebih baik untuk pelajar dan peningkatan prestasi. Kesimpulannya, motivasi guru adalah faktor utama kejayaan mengintegrasikan teknologi ke dalam pendidikan dan menggalakkan peningkatan sekolah.



1.3 Latarbelakang Kajian

Globalisasi mewujudkan kebebasan dalam dunia maklumat dan perubahan tingkah laku yang dikenali sebagai dunia tanpa sempadan (Nesbit & Adesope, 2006). Seterusnya, Zaphiris (2005), Rohani (2015) dan Abu Yazid (2016) menyatakan pembelajaran berbantuan komputer (PBBK) amat terkenal dan menjad tumpuan bidang pendidikan. Walaupun begitu, cabarannya ialah membolehkan semua pendidik mempraktikan TMK dalam tugas harian (Lee & Winzenreid, 2009). TMK menjadi langkah perubahan dalam pendidikan bagi Malaysia, serta negara lain yang berada dalam fasa negara membangun.

Sejak dari tahun 1997, Malaysia TMK digunakan mengikut peringkat-peringkat dalam bidang pendidikan bagi merancang dan menjalankan tugas harian. Pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan aplikasi yang membolehkan guru memuat naik data secara elektronik di peringkat sekolah (Nurhafizah, 2009). Pemprosesan dan penyimpanan maklumat secara *online* merangkumi data kurikulum, ko-kurikulum dan hal ehwal murid serta guru. Sebagai contoh, laman web Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) untuk memasukkan data markah murid, APDM untuk mengisi kehadiran murid, e-Operasi sebagai pusat pengisian maklumat guru, e-PANGKAT bagi urusan kenaikan pangkat guru dan banyak lagi laman elektronik Kementerian Pendidikan telah dan sedang dibangunkan untuk memudahkan pengurusan guru-guru dan sistem pendidikan serta juga untuk bersaing dalam arus pembangunan pembelajaran global.



Pada era Revolusi Industri 4.0 ini, kerajaan Malaysia telahpun memastikan pengintegrasian pembelajaran berkonsepkan “Sekolah Bestari” dengan mengagihkan komputer-komputer di semua sekolah. Cabaran dunia pendidikan dalam zaman TMK memerlukan guru-guru yang bermotivasi tinggi dalam menggunakan teknologi semasa. Menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3 (2005) guru penyelaras harus mengurus, memantau dan melaksanakan rancangan untuk mempromosikan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan integriti yang berkaitan dengan teknologi, etika penggunaan, masalah sosial, dan keselamatan data di sekolah. Guru penyelaras juga perlu merancang dan menyediakan program galak guna dan bimbingan bagi guru menggunakan kemudahan ICT secara efektif dalam mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pemudahcaraan. Tambahan pula, rancang dan berikan panduan dan dorongan untuk membolehkan pekerja menggunakan kemudahan ICT dengan berkesan dalam aktiviti pengurusan dan pentadbiran. Kajian oleh Nico, Jan, dan Wouter (2015) menonjolkan kepentingan kompetensi guru dalam teknologi. Mereka mendapati bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berkesan dalam pendidikan adalah bergantung kepada guru yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang mencukupi dalam bidang tersebut. Jika guru kurang mahir dalam teknologi, ia boleh memberi kesan negatif kepada keupayaan mereka untuk mengintegrasikannya dengan berkesan ke dalam amalan pengajaran mereka.

Dalam konteks ini, guru merupakan tulang belakang sistem pendidikan dan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan teknologi dalam pendidikan. Oleh itu, adalah penting bagi guru untuk mempunyai pemahaman yang menyeluruh tentang cara menggunakan ICT secara berkesan untuk menyokong pengajaran mereka dan meningkatkan hasil pembelajaran pelajar. Ini termasuk mempunyai pengetahuan





tentang aplikasi perisian pendidikan yang berbeza, dapat mengintegrasikan teknologi ke dalam rancangan pengajaran, dan dapat menggunakan teknologi secara berkesan untuk menilai pembelajaran pelajar. Kesimpulannya, kecekapan guru dalam teknologi merupakan faktor kritikal dalam menjayakan integrasi ICT dalam pendidikan. Guru yang mempunyai pemahaman mendalam tentang cara menggunakan teknologi dalam amalan pengajaran mereka lebih berkemungkinan untuk melaksanakannya dengan berkesan di dalam bilik darjah, yang membawa kepada peningkatan hasil pelajar dan prestasi sekolah secara keseluruhan.

1.4 Pernyataan Masalah

Kurangnya motivasi untuk menggunakan teknologi merupakan cabaran biasa yang dihadapi oleh guru. Ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor termasuk kekurangan kemahiran dan penguasaan pedagogi internet oleh guru, serta kesukaran mengumpul dan mengenal pasti data dan maklumat tertentu. Guru yang tidak biasa dengan teknologi mungkin merasa sukar untuk mengintegrasikannya ke dalam amalan pengajaran mereka, menyebabkan kekurangan motivasi untuk menggunakannya. Selain itu, sifat teknologi yang kompleks dan sentiasa berubah juga boleh menimbulkan rasa tidak pasti dan kekeliruan dalam kalangan guru, seterusnya mengurangkan motivasi mereka untuk menggunakannya di dalam bilik darjah. Selain itu, guru juga mungkin berasa terharu dengan banyaknya maklumat dan data yang tersedia dalam talian, menyukarkan mereka untuk mengenal pasti dan mengekstrak maklumat yang relevan untuk pelajar mereka. Ini boleh menyebabkan kekecewaan dan perasaan tidak mencukupi, seterusnya mengurangkan motivasi mereka untuk menggunakan teknologi. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk mengaplikasikannya dalam tugas mereka (Yunus &



Wekke, 2009; Khairun, 2016; Norliza, 2017). Menurut Norliza (2017) guru juga memerlukan masa yang lama untuk menggunakan internet bagi mengumpulkan maklumat. Mereka juga kurang yakin dalam menggunakan aplikasi teknologi (Ali, 2015; Palak & Walls, 2009; Mumtaz, 2000). Sebilangan guru juga menyatakan bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi di dalam kelas akan memberi tekanan kepada diri mereka sendiri serta melibatkan penggunaan TMK yang mahir juga berefisien (Sang, 2011). Penggunaan TMK di dalam kelas sesungguhnya memberikan beberapa cabaran bagi guru. Salah satunya merupakan tekanan tambahan dalam melakukan tugas mereka. Guru harus memastikan bahawa mereka memahami dan mahir menggunakan peralatan TMK yang digunakan, seperti komputer, projektor, dan internet, sebelum menggunakannya di dalam kelas. Ini boleh mengambil masa dan tenaga tambahan. Seterusnya, penggunaan TMK yang tidak efisien juga menjadi cabaran bagi guru. Mereka harus memastikan bahawa penggunaan TMK memberikan nilai tambah kepada proses pengajaran dan pembelajaran, dan tidak merupakan halangan bagi proses tersebut. Misalnya, jika internet lambat atau peralatan tidak berfungsi seperti yang diharapkan, ini boleh memakan masa dan mengurangkan efisiensi pengajaran. Oleh itu, meskipun penggunaan TMK membawa banyak manfaat kepada pengajaran dan pembelajaran, guru harus memastikan bahawa mereka memahami dan mahir menggunakan TMK, serta menggunakannya dengan bijak untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, cabaran-cabaran seperti kekangan masa kebolehcapaian terhadap alat dan peranti, kekurangan bimbingan dan ruang berkongsi kemahiran antara rakan sekerja juga menjadi punca kepada motivasi guru kurang dalam penggunaan TMK (Dzansi & Amedzon, 2014). Kajian oleh Sun, Strobel dan Newby (2017)





mendapati bahawa kesediaan guru mempunyai kesan terhadap penggunaan dan integrasi teknologi. Sehubungan itu, kajian Noraini et al. (2013) menunjukkan bahawa guru masih kurang mahir mengintegrasikan bahan TMK dalam pengajaran kerana berasa kurang yakin terhadap aspek kebergunaan teknologi dalam pengajaran. Sehubungan itu, Pei dan Piaw (2017) menyatakan bahawa guru harus bersikap positif terhadap inovasi teknologi yang baharu diperkenalkan di peringkat sekolah bagi menjamin kejayaan program tersebut kerana sikap positif atau negatif guru akan menentukan niat untuk mengguna atau menolak TMK dalam proses PdP (Abd Rahman, Mohd Anuar & Ahmad Kamar 2011).

Guru harus mempunyai kemahiran dalam TMK sebelum menanam sikap positif dalam menjalankan tugasnya. Bagi mengintegrasikan penggunaan TMK dalam pendidikan, pengetahuan dan penguasaan guru-guru tentang teknologi amat penting supaya dapat mengeksploitasi maklumat yang diperolehi. Seajar dengan itu, penyelidikan diperlukan untuk menentukan tahap pengetahuan ICT dalam kalangan guru sebagai langkah awal untuk mengkaji persediaan guru menghadapi perubahan penggunaan TMK sepenuhnya dalam pendidikan.

Penyelidikan tentang tahap pengetahuan ICT dalam kalangan guru sangat penting bagi memastikan guru memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi perubahan dalam penggunaan TMK dalam pendidikan. Pengetahuan dan kemahiran ini sangat penting untuk memastikan bahawa guru dapat menggunakan TMK secara efektif dan efisien dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran dan membantu pelajar memahami sesuatu topik dengan lebih baik. Penyelidikan ini juga dapat membantu mengidentifikasi keperluan latihan tambahan untuk guru bagi





memastikan mereka dapat memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggunakan TMK dalam pengajaran dengan baik. Ini juga akan membantu dalam menentukan apakah keperluan dalam menyediakan peralatan atau fasiliti yang lebih baik bagi guru, sehingga mereka dapat menggunakan TMK dengan lebih efektif. Oleh itu, penyelidikan tahap pengetahuan ICT dalam kalangan guru adalah langkah awal yang penting untuk menentukan persediaan guru menghadapi perubahan penggunaan TMK dalam pendidikan. Hasil penyelidikan ini dapat digunakan untuk membuat keputusan dan tindakan yang diperlukan dalam memastikan guru memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi perubahan ini dengan jayanya.

Kajian penggunaan teknologi dan penyelidikan komputer pada guru mengfokuskan kepada kemahiran dan sikap guru. Pada masa yang sama, terdapat kekurangan penyelidikan motivasi mengenai integrasi pengetahuan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui pengaruh motivasi guru-guru penyelaras di Daerah Kerian dalam pengintegrasian pengetahuan Teknologi Maklumat. TMK dapat membantu guru meningkatkan kecekapan, kemudahan, dan menentukan nilai yang baik. TMK memainkan peranan penting dalam pengurusan dan pentadbiran tugas di sekolah. Menurut Jamieson (2013), TMK membantu dalam mengumpul dan menyimpan data untuk membantu organisasi membuat keputusan, reka bentuk, kawalan dan analisis. Dengan penggunaan TMK, proses pendaftaran pelajar, kemasukan dan rekod data, kawalan inventori, jadual waktu, pemilihan guru, masa mengajar, hal-hal berkaitan peperiksaan, dan pembelian stok dapat dikawal dengan lebih cekap dan berkesan. Ini menjadikan proses pentadbiran dan pengurusan dalam sekolah lebih mudah dan cekap. TMK juga membantu dalam menyimpan data dan maklumat berkaitan pelajar, guru dan





sekolah secara berkala dan terkini, yang menjadikan proses membuat keputusan lebih cepat dan tepat. Ini memastikan sekolah dapat berfungsi dengan lebih cekap dan menyediakan pendidikan berkualiti kepada pelajar. Maka, dapat dilihat bahawa penggunaan TMK dalam mengurus dan mentadbir tugas di sekolah adalah amat penting bagi memastikan proses pentadbiran dan pengurusan berjalan dengan cekap serta membantu dalam membuat keputusan yang betul dan pantas. Oleh itu, pengkaji memberi perhatian yang lebih terhadap hal ini sebab motivasi guru penyelarar dalam menggunakan TMK akan melancarkan pengurusan harian sekolah dan juga akan memantapkan bidang perguruan secara keseluruhan.

1.5 Tujuan Kajian



Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh motivasi guru penyelarar Sekolah Rendah di Daerah Kerian terhadap integrasi pengetahuan teknologi maklumat.

1.6 Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti tahap motivasi dan integrasi pengetahuan teknologi maklumat guru penyelarar di Sekolah Rendah Daerah Kerian.
- ii. Menentukan hubungan antara motivasi guru penyelarar dan integrasi pengetahuan teknologi maklumat di Sekolah Rendah Daerah Kerian.
- iii. Menentukan pengaruh motivasi guru penyelarar terhadap integrasi pengetahuan teknologi maklumat di Sekolah Rendah Daerah Kerian.



1.7 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap motivasi dan integrasi pengetahuan teknologi maklumat guru penyelarar di Sekolah Rendah Daerah Kerian?
- ii. Adakah terdapat hubungan antara motivasi guru penyelarar dan integrasi pengetahuan teknologi maklumat di Sekolah Rendah Daerah Kerian?
- iii. Adakah terdapat pengaruh motivasi guru penyelarar terhadap integrasi pengetahuan teknologi maklumat di Sekolah Rendah Daerah Kerian.

1.8 Hipotesis Kajian


H_{a1} : Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi guru penyelarar integrasi pengetahuan teknologi maklumat.

H_{a2} : Terdapat pengaruh motivasi guru penyelarar terhadap integrasi pengetahuan teknologi maklumat.

1.9 Kerangka Teoretikal


Kerangka teoretikal kajian terdiri daripada teori Motivasi Dua Faktor Herzberg (1966) dan Teori Teknologi, Pedagogi dan Kandungan (1986). Teori pembolehubah bebas yang digunakan untuk menentukan tahap motivasi guru adalah Teori Dua Faktor Herzberg (1966). Menurut Herzberg, ada dua faktor yang mendorong individu berusaha untuk berpuas hati dan menjauhkan diri dari rasa tidak puas hati. Dua faktor yang dibincangkan adalah faktor ekstrinsik (*hygiene*) dan faktor intrinsik (faktor motivasi).

Faktor ekstrinsik dan faktor intrinsik merupakan dua faktor utama yang mempengaruhi motivasi dan kepuasan kerja. Faktor ekstrinsik termasuk persekitaran kerja, status, hubungan dengan rakan sekerja, gaya hidup, asas organisasi, keselamatan kerja, penyeliaan, dan kebajikan. Jika faktor ekstrinsik ini tidak dipenuhi, ini akan meningkatkan tahap ketidakpuasan kerja dan mengurangkan motivasi untuk melakukan kerja dengan baik. Sebaliknya, faktor intrinsik merupakan faktor pendorong yang mempengaruhi motivasi kerja melalui dorongan dan sokongan. Faktor-faktor ini termasuk keseronokan dalam tugas, kreativiti, kebebasan, rasa tanggungjawab, dan rasa membuat perubahan. Sekiranya faktor intrinsik ini dipenuhi, kepuasan kerja akan diperoleh dan motivasi kerja akan meningkat. Ini membuktikan bahawa faktor ekstrinsik dan intrinsik bekerjasama untuk mempengaruhi motivasi dan kepuasan kerja. Oleh itu, organisasi perlu memastikan kedua-dua faktor ini dipenuhi dengan betul bagi memastikan motivasi dan kepuasan kerja yang tinggi dalam kalangan pekerja.



Rajah 1.1. Model teori dua faktor Herzberg (1966)


Teori TPACK (1986) digunakan sebagai teori pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Teori TPACK berkaitan dengan integrasi pengetahuan teknologi, pedagogi dan kandungan. Asas teori berasal dari integrasi antara pengetahuan pedagogi dan kandungan (PPK) (Shulman, 1986). Model PPK ini dikembangkan oleh Mishra & Koehler pada tahun 2006 dengan menambahkan lagi elemen teknologi. Berdasarkan Mishra dan Koehler (2006), guru perlu mahir dalam proses mengintegrasikan teknologi, pedagogi dan kandungan untuk mencapai objektif tugasnya. Rajah 1.1 menerangkan hubungan antara empat set pengetahuan, yang diringkaskan sebagai Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK). Rajah 1.2 adalah model PTPK yang dibentuk oleh Mishra dan Koehler (2006).



Rajah 1.2 Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (Sumber: Mishra & Koehler, 2006)

1.10 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti rajah 1.3. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah integrasi pengetahuan teknologi maklumat manakala pemboleh ubah bebas adalah motivasi guru penyelaras. Berdasarkan kerangka konsep ini, tahap motivasi dan integrasi teknologi maklumat akan dikenal pasti dahulu. Seterusnya, hubungan antara motivasi guru penyelaras dengan integrasi pengetahuan teknologi maklumat akan dikaji. Akhir sekali, pengaruh motivasi guru penyelaras terhadap integrasi teknologi maklumat juga akan dikenalpasti.



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian

1.11 Definisi Operasional

Definisi dalam kajian merangkumi definisi terhadap pemboleh ubah yang digunakan dan ianya adalah berkaitan dengan integrasi pengetahuan teknologi maklumat dan juga motivasi kerja guru.

1.11.1 Motivasi

Motivasi mempunyai kaitan dengan kesanggupan untuk mengikhtiarkan usaha pada tahap yang tinggi kearah pencapaian matlamat organisasi dan memenuhi keperluan individu (Robbins, 2000). Ini adalah proses yang kompleks yang melibatkan punca dalaman (naluri dan rangsangan) dan punca luaran (tingkah laku dan tindakan).

Motivasi adalah kekuatan dalaman peningkatan, panduan dan tingkah laku seseorang yang berterusan (Weiner, 1990). Tiga komponen motivasi ialah usaha, misi dan kesungguhan mencapai matlamat. Menurut kenyataan Saedah, Zainon & Tunku Mohani (1996) Motivasi adalah dorongan untuk keinginan dan kehendak untuk mencapai hasil yang sangat baik bagi sesuatu tugas tanpa kegagalan. Dalam kajian ini motivasi ialah dorongan ekstrinsik dan intrinsik

1.11.2 Motivasi Ekstrinsik

Dalam kajian ini motivasi ekstrinsik adalah faktor luaran yang berkait rapat dengan persekitaran tempat kerja, seperti dasar organisasi dan pentadbiran, pengawasan, hubungan interpersonal, gaji, keselamatan kerja, gaya atau gaya hidup, keadaan dan status kerja. Faktor ini mengubah keadaan yang tidak memuaskan.

1.11.3 Motivasi Intrinsik

Dalam kajian ini, motivasi intrinsik merupakan pencapaian, pengiktirafan, kenaikan pangkat, kerjaya yang diceburi itu sendiri, peluang untuk meningkatkan prestasi dan

tanggung jawab. Dimensi-dimensi ini berkait rapat secara terus dengan profesion yang melahirkan semangat motivasi dalam kalangan pekerja agar mencapai kepuasan kerja.

1.11.4 Kepuasan Kerja

Merujuk kepada naluri dan reaksi seseorang terhadap lingkungan kerjayanya (Dole & Schroeder, 2001). Kepuasan kerja adalah perasaan positif seseorang terhadap pekerjaan itu (Vroom, 1964). Aspek kepuasan dalam kajian ini akan merujuk aspek kepuasan para guru di sekolah. Dengan kata lain, kepuasan kerja merujuk kepada keadaan emosi gembira yang berpunca dari kepercayaan seseorang bahawa pekerjaannya tidak mengganggu dan berjaya. Klein dan Ritti (1984) mendefinisikan kepuasan kerja sebagai perasaan positif yang terhasil selepas merasai sesuatu persekitaran kerja.

Wexley dan Yuki (2005) menjelaskan kepuasan kerja sebagai *'the way an employee feels about his or her job'*. Ertinya kepuasan kerja ialah langkah seseorang pekerja menikmati dirinya atau kerjayanya. Dalam kajian ini, Kepuasan kerja adalah perasaan sokongan atau prasangka terhadap pekerja atau dirinya yang berkaitan dengan kerjaya.

1.11.5 Guru Penyelaras

Guru penyelaras dianggap guru yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Biasanya ditugaskan untuk menyelaraskan guru dan melantik mereka sebagai penyelaras makmal komputer sekolah dan jawatan lain. Peranan penyelaras TMK adalah merancang penggunaan makmal komputer di sekolah dengan menyusun jadual untuk guru dan pelajar menggunakan makmal komputer, dan menyelenggara peralatan TMK (seperti melaporkan kerosakan atau melakukan kerja



pembaikan). Dalam kajian ini, guru penyelaras TMK merujuk kepada guru yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi sekolah.

1.11.6 Integrasi

Tujuan integrasi tanpa sempadan antara pelbagai media dalam persekitaran digital untuk menambah persekitaran pembelajaran dianggap sebagai penyatuan teknologi dalam pendidikan (Halimah, 2004). Dalam kajian ini integrasi bermaksud proses penyatuan pengetahuan teknologi, pedagogi dan kandungan oleh guru penyelaras. Proses pengitegrasian ini dapat dilihat semasa mereka menjalankan tugas.



1.11.7 Teknologi Maklumat dan Komunikasi

TMK bermaksud Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi dipraktikkan dalam semua aspek pengetahuan. Ini kerana sifatnya yang fleksibel dan bersepadu dalam pelbagai bidang. TMK merangkumi teknologi yang membantu menyampaikan maklumat, seperti radio, televisyen, telefon bimbit, komputer, dan Internet (Mohd Hasril, 2009).

Peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi adalah untuk menyampaikan maklumat yang melibatkan komunikasi antara dua pihak pada jarak jauh dan pendek. Teknologi adalah sistem yang mempromosikan urusan dan keperluan manusia (Norsalleh & Sahat, 2004). Seterusnya, komunikasi menjadi alat menghantar dan mengumpul maklumat dua hala. Teknologi Maklumat dan Komunikasi meningkatkan



kualiti pendidikan dengan berkongsi maklumat. Ianya melangkaui batas umur, etnik, gender, status, bangsa tanpa ada sempadan masa.

Dari segi pendidikan, teknologi maklumat adalah pencetus komunikasi atau sistem rangkaian elektronik dan komputer, yang dapat digunakan untuk mengumpulkan, menyimpan, memproses, membimbing dan menyampaikan maklumat dengan cepat dan tepat (Rusmini, 2012). Dalam kajian ini, TMK merujuk kepada teknologi yang disatukan untuk memperoleh, menyimpan, dan menyebarkan pelbagai bentuk data dan maklumat menggunakan alat elektronik, seperti teks, audio, video, gambar, grafik, dan lain-lain. Dalam kajian ini, TMK berbantuan komputer merujuk kepada alat elektronik atau peranti yang digunakan untuk melaksanakan tugas harian.

1.11.8 Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK)

Pengetahuan Teknologi Pengajaran Kandungan (PTPK) adalah elemen utama untuk menggunakan teknologi untuk mengajar dan menyampaikan kandungan dan pengetahuan yang ada dengan berkesan (Mishra, Koehler, & Harris, 2009). Kerangka teori guru PTPK adalah interaksi yang kompleks antara kandungan, pedagogi dan teknologi. Terdapat tujuh komponen di dalam kerangka teori PTPK ini iaitu (i) Pengetahuan Teknologi (PT), (ii) Pengetahuan Pedagogi (PP), (iii) Pengetahuan Kandungan (PK), (iv) Pengetahuan Pedagogi dan Kandungan (PPK), (v) Pengetahuan Teknologi dan Pedagogi (PTP), (vi) Pengetahuan Teknologi dan Kandungan (PTK) dan (vii) Pengetahuan Teknologi, Pedagogi dan Kandungan (PTPK).



1.12 Kepentingan Kajian

Kebelakangan ini, kajian motivasi guru penyelaras di sekolah penting kerana ia mempengaruhi integrasi pengetahuan dan motivasi tugas guru-guru. Kajian ini mengumpul data untuk menentukan tahap motivasi dan integrasi teknologi maklumat guru penyelaras dan mengenal pasti hubungan antara motivasi guru penyelaras dan pengintegrasian teknologi maklumat. Di samping itu, pengaruh motivasi guru penyelaras terhadap integrasi pengetahuan teknologi maklumat di Sekolah Rendah Daerah Kerian juga dapat dilihat melalui hasil kajian ini.

Selain itu, ketua jabatan terutamanya guru besar di sekolah rendah Daerah Kerian, akan mengetahui masalah yang dihadapi oleh guru penyelaras dan membuat penambahbaikan terhadap amalan pemilihan guru penyelaras TMK ke arah pembangunan sekolah dan peningkatan motivasi guru masing-masing. Kajian ini juga sangat penting untuk meningkatkan motivasi guru. Perhatian harus diberikan kepada struktur kerja sistem, seperti dasar pentadbiran, pengawasan kerja, gaji, keadaan tempat kerja, hubungan dengan rakan sekerja, kesejahteraan guru dan beban kerja. Di samping itu, dalam era pendidikan yang semakin mencabar hari ini, penyelidikan ini dapat menghasilkan data dan maklumat mengenai tahap motivasi penyelaras ICT kepada pentadbiran.

Motivasi guru untuk bekerja merupakan asas kepada kejayaan organisasi seperti sekolah. Diharapkan melalui hasil kajian ini, pentadbir sekolah, terutama pengetua, akan memperoleh maklumat yang berkaitan dengan ketidakseimbangan beban kerja guru, yang akan mengurangkan motivasi kebanyakan guru untuk bekerja. Sebaliknya, fenomena ini akan memberi kesan negatif kepada organisasi. Oleh itu, semangat guru





harus dititikberatkan untuk meningkatkan kualiti dan kualiti pendidikan, yang secara langsung akan meningkatkan prestasi sekolah.

Selain itu, kajian ini dapat membimbing pengkaji-pengkaji lain untuk dijadikan bahan rujukan motivasi guru penyelaras dalam pengurusan TMK. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini juga akan membimbing pengkaji lain untuk menambah baik kajian berkaitan isu pengurusan TMK dan motivasi guru. Guru adalah tonggak penting untuk memupuk generasi akan datang, dan keperluan guru akan berubah dari masa ke masa. Oleh itu, kajian yang berkaitan dengan penyatuan pengetahuan teknologi harus diperluas, dan diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan dan jalan bagi penyelidik masa depan.



Dapatan kajian ini akan menjadi panduan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah Kerian untuk merangka program dan kursus meningkatkan tahap profesionalisme guru penyelaras TMK.

1.13 Batasan Kajian

Kajian ini merangkumi guru-guru penyelaras di sekolah rendah di Daerah Kerian sahaja. Daripada 67 buah sekolah, 14 daripadanya ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan 43 pula Sekolah Kebangsaan (SK) dan 10 lagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Seramai 59 orang guru dijadikan sampel kajian. Saiz sekolah yang kecil dan bilangan guru yang kurang akan menyebabkan motivasi guru juga berbeza dengan sekolah-sekolah besar yang terletak di bandar.



Oleh itu, hasil kajian ini akan memerihalkan keadaan dan situasi sekolah rendah di Daerah Kerian sahaja dan kemungkinan ia tidak mewakili semua guru di sekolah rendah, di negeri Perak ataupun di Malaysia. Maka, hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan untuk semua guru di Negeri Perak.

1.14 Rumusan

Secara konklusinya, bab ini menerangkan tentang pentingnya peranan guru terhadap masa depan sesebuah negara. Sejajar dengan Wawasan 2020, motivasi guru menjadi aspek penting dalam meningkatkan mutu pendidikan. Selain itu, faktor motivasi guru turut mempengaruhi pengintegrasian pengetahuan TMK. Sehubungan dengan itu, pengaruh motivasi guru diberi perhatian bagi mencapai integrasi pengetahuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi dalam meninggalkan irmpak positif kepada sistem pendidikan negara.